

# Rithaudeen sokong penubuhan Jawatankuasa Rayuan

UM 24 JUN 2001

KUALA LUMPUR 23 Jun — Pengerusi Lembaga Disiplin, Tan Sri Tengku Ahmad Rithaudeen menyatakan cadangan penubuhan Jawatankuasa Rayuan sebagai wajar kerana ia selari dengan perlembagaan parti.

Menurutnya, ketika ini Lembaga Disiplin hanya menjalankan tugas perbicaraan manakala kuasa untuk mendengar rayuan adalah di bawah bidang kuasa Majlis Tertinggi (MT).

“Justeru MT mempunyai kuasa penuh untuk menubuhkan badan berkenaan,” katanya kepada pemberita selepas selesai Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini. Beliau berkata

demikian sebagai mengulas laporan *Utusan* bahawa UMNO dijangka menubuhkan sebuah jawatankuasa baru bagi mendengar rayuan ahli yang dikenakan tindakan disiplin oleh Lembaga Disiplin kerana melanggar tataetika parti termasuk mengamalkan politik wang.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penubuhan badan itu akan membolehkan perbicaraan dilakukan melangkaui ke atas fakta kes sahaja tetapi lebih mendalam seperti cara-cara saksi memberi keterangan.

“Dengan itu ‘hakim’ dapat menilai bukti keterangan saksi,” katanya.

Beliau menambah, Lembaga Disiplin tidak ada

masalah dengan penubuhan lembaga itu, malah, member-i sokongan penuh kepada pelaksanaannya.

Mengenai struktur lembaga itu nanti, beliau berkata, terpulang kepada MT untuk menentukannya.

Beliau juga berkata, MT mempunyai kuasa penuh untuk melantik ahli yang akan menganggotai lembaga tersebut.

Pada persidangan akhbar selepas berakhirnya Perhimpunan Agung UMNO, Presiden parti, Datuk Seri dr. Mahathir Mohamad berkata, MT akan membincangkan penubuhan badan itu pada mesyuaratnya yang akan datang.